

# PRIMASE CAPSULES

Papain (5mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Primase
2. Bagaimana Primase berfungsi
3. Sebelum menggunakan Primase
4. Cara menggunakan Primase
5. Semasa menggunakan Primase
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Primase
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Primase

Ia digunakan untuk pembengkakan dan semasa keradangan.

## Bagaimana Primase berfungsi

Papain ialah enzim yang digunakan untuk mengurangkan pembengkakan dalam semasa keradangan.

## Sebelum menggunakan Primase

- Bila tidak boleh menggunakan
  - jangan ambil Primase jika alergi kepada bahan aktif dan tidak aktif yang terkandung dalam keluaran ini.
  - tidak dicadangkan jika terdapat gangguan bekuan darah atau jangkitan am.
- Sebelum menggunakan Primase

Beritahu doktor jika mempunyai gangguan bekuan darah atau menyusukan anak. Keselamatan penggunaan pada ibu yang menyusukan anak belum dipastikan lagi.
- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda sedang mengambil ubat untuk menghalang bekuan darah, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Primase

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 2 kapsul empat kali sehari untuk 5 hari. Kanak-kanak: seperti yang diarahkan oleh doktor. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.
- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.
- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

## - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Primase

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda menggunakan Primase. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.
- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi Primase dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.
- Perkara yang perlu diberi perhatian

Penggunaan Primase harus diberi perhatian teliti semasa hamil.

## Kesan-kesan sampingan

Gatal-gatal, pening, loya, muntah, cirit-birit dan sensitiviti mungkin berlaku. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Primase

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.
- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul gelatin keras berwarna hijau muda.
- Bahan-bahan kandungan
  - Bahan aktif: papain.
  - Bahan tidak aktif: lactose, cornstarch dan magnesium stearate
- Nombor MAL

MAL19930089X

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini

04/12/2017

## Nombor siri

NPRA(R4/1)01122017/00337